KYPJ
KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR

## KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
## PEPERIKSAAN AKHIR

| | | |
|---|---|---|
| **NAMA KURSUS** | : | **PERHUBUNGAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA: UNDANG-UNDANG DAN AMALAN** |
| **KOD KURSUS** | : | **DSM3193** |
| **PEPERIKSAAN** | : | **APRIL 2019** |
| **MASA** | : | **3 JAM** |

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)

   i. Bahagian A mengandungi **DUA (2)** soalan.Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan.

   ii. Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jawab di dalam Buku Jawapan.

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
   i. Kertas Soalan
   ii. Buku Jawapan

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

© Hak cipta Kolej Yayasan Pelajaran Johor

## BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

### SOALAN 1

a. Jelaskan kepentingan hubungan industri antara majikan dan pekerja.

(6 markah)

b. Apakah implikasi penubuhan kesatuan sekerja dari United Kingdom hingga ke Malaysia sehingga tahun 1940?

(14 markah)

### SOALAN 2

a. Terangkan konsep peraturan majikan dan penawaran bersama.

(10 markah)

b. Anda adalah salah seorang pegawai di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM). Sebagai seorang pegawai, bagaimanakah anda dapat menjalankan tanggungjawab dalam membantu mengekalkan perhubungan yang kondusif antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja untuk kemajuan ekonomi dan kesejahteraan rakyat?

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

## BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.
Jawab di dalam Buku Jawapan.

### SOALAN 1

a. Jelaskan peranan anda sebagai pegawai kesatuan sekerja dalam membantu menangani isu pekerja wanita dan kegawatan ekonomi pada masa kini.

(12 markah)

b. Seandainya anda dilantik sebagai pemimpin kesatuan sekerja, apakah yang anda akan lakukan bagi menjamin kesaksamaan dan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih baik?

(8 markah)

### SOALAN 2

a. Berdasarkan Akta Kesatuan Sekerja 1959, Seksyen 28 (1), apakah yang menyebabkan seseorang ahli tidak layak menyandang jawatan sebagai Eksekutif Kesatuan Sekerja?

(8 markah)

b.

| |
|---|
| Karl Harith seorang graduan jurusan Farmasi di Newcastle University Medicine Malaysia. Beliau berumur 23 tahun. Beliau telah bekerja di Mylife Healthcare Sdn. Bhd. selama 6 bulan. Karl Harith pernah menyatakan hasratnya untuk menganggotai kesatuan sekerja dengan tujuan untuk mendapatkan perlindungan hak sebagai seorang pekerja. |

**Pernyataan 1**

Berdasarkan penyataan 1, apakah syarat-syarat yang perlu diketahui oleh Karl Harith sekiranya beliau hendak melibatkan diri dalam kesatuan sekerja?

(12 markah)

## SOALAN 3

a. Apakah yang perlu dilakukan oleh pihak majikan sebelum berlangsungnya rundingan bersama?

(12 markah)

b. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah implikasi positif yang boleh diperoleh daripada proses rundingan bersama?

(8 markah)

## SOALAN 4

a. Sekiranya sesuatu prosiding rundingan damai diadakan, pada pandangan anda siapakah yang layak untuk menjadi perwakilan dalam prosiding berkenaan?

(10 markah)

b. Mengapakah pekerja lebih cenderung untuk melakukan piket berbanding mogok?

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**